

TRANSFORMASI PERINDUSTRIAN ASIA-PASIFIK 2020

S'pura sebagai pangkalan dunia bagi perkilangan lanjutan: DPM Heng

Bina akademi latihan untuk tingkat kemahiran, bangunkan keupayaan bagi penetapan piawaian serta bina pusat inovasi bagi capai wawasan

► **NUR ADILAH MAHBOS**
adilaham@sph.com.sg

SINGAPURA boleh menyediakan pangkalan perkilangan lanjutan di Asia yang digital dan lebih berdaya tahan untuk dunia, kata Timbalan Perdana Menteri, Encik Heng Swee Keat, semalam.

Untuk mencapai wawasan ini, Singapura akan menubuhkan sebuah akademi latihan untuk meningkatkan kemahiran dalam industri tersebut, membangun keupayaan bagi penetapan piawaian serta membina pusat inovasi bagi melatih pemimpin pemerintah dan perniagaan di rantau ini.

Encik Heng, yang juga Menteri Kewangan, membentangkan wawasan tersebut semasa berucap di pembukaan acara industri, Transformasi Perindustrian (A*Star) Pasifik (ITAP) di Singapore Expo, semalam.

“Menyediakan pangkalan yang lebih berdaya tahan dan digital bagi perkilangan lanjutan adalah sebahagian daripada wawasan Singapura untuk menjadi nadi ‘Global-Asia’ bagi teknologi, inovasi dan perusahan,” kata Encik Heng.

Beliau turut mengumumkan beberapa inisiatif dalam usaha tersebut, termasuk penubuhan Akademi Latihan Perkilangan Lanjutan (Amta) oleh Agensi bagi Sains, Teknologi dan Penyelidikan (A*Star) dan Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Akademi itu akan mengenal pasti kemahiran baru yang diperlukan dalam industri

perkilangan lanjutan, serta menyelaras usaha melatih dan membangun kemahiran.

Selain itu, Singapura akan membangun keupayaan dalam penetapan piawaian dengan meluaskan program membangun penilai piawaian.

Pada 2017, negara ini melancarkan Indeks Kesianakan Industri Bijak (SIRI) bagi membantu pengilang memula, memperluas dan mengekalkan usaha transformasi mereka.

Tahun lalu, satu program penilai SIRI telah dilancarkan, dengan kumpulan pertama 15 penilai telah lulus daripada program itu sejauh ini.

Lembaga Kemajuan Ekonomi (EDB) akan bekerjasama dengan Forum Ekonomi Sedunia, McKinsey, Siemens dan pusat ujian antarabangsa, TUV SUD, untuk melatih 100 penilai daripada 20 negara.

Penilai tersebut akan mengadakan ujian SIRI bagi 1,000 syarikat di peringkat global.

Satu lagi inisiatif yang disebutkan Encik Heng semalam ialah pelancaran Perkampungan Inovasi Teknologi Global oleh Bank Pembangunan Asia dan Politeknik Singapura untuk melatih pemimpin pemerintah dan perniagaan di rantau ini dalam bidang seperti perkilangan lanjutan, 5G dan Kecerdasan Buatan (AI).

Usaha ini akan melibatkan hampir 20 pemain industri dan agensi pemerintah.

Dalam ucapannya lagi, Encik Heng berkata beliau gembira banyak syarikat terus mempunyai keyakinan ke atas Singapura se-



RASMIKAN KERJASAMA: DPM Heng (*paling kanan*) menyaksikan perasmian kerjasama antara Lembaga Kemajuan Ekonomi (EDB), Forum Ekonomi Sedunia, McKinsey, Siemens dan pusat ujian antarabangsa, TUV SUD, di bawah program Indeks Kesianakan Industri Bijak. Bersama Encik Heng ialah pengerusi EDB, Dr Beh Swan Gin (*dua dari kanan*). – Foto BH oleh KEVIN LIM

masa krisis ini dengan membentangkan kemudahan baru di sini.

Bulan lalu, Siemens mengumumkan pembukaan Pusat Transformasi Perkilangan Lanjutan di sini untuk membantu syarikat beralih kepada pencetakan 3D dan Industri 4.0.

Hyundai Motor Group juga baru-baru ini melancarkan pembangunan Pusat Inovasi, termasuk kemudahan pembuatan kenderaan elektrik.

Kedua-dua kemudahan itu akan dibina di Kawasan Inovasi Jurong, yang akan menjadi bahagian lanjutan di Singapura.

“Singapura ialah pangkalan yang berdaya tahan bagi pengilang lanjutan di rantau ini.

“Semangkin kita keluar dari yang terburuk dalam krisis ini, kami sedang memperkukuh asas bagi perkilangan lanjutan dengan meningkatkan kesalinghubungan digital, kesalinghubungan maritim dan memulih kesalinghubungan udara,” kata Encik Heng.

Menyediakan pangkalan yang lebih berdaya tahan dan digital bagi perkilangan lanjutan adalah sebahagian daripada wawasan Singapura untuk menjadi nadi ‘Global-Asia’ bagi teknologi, inovasi dan perusahan... Singapura ialah pangkalan yang berdaya tahan bagi pengilang lanjutan di rantau ini. Sedang kita keluar dari yang terburuk dalam krisis ini, kami sedang memperkukuh asas bagi perkilangan lanjutan dengan meningkatkan kesalinghubungan digital, kesalinghubungan maritim dan memulih kesalinghubungan udara.”

– DPM Heng Swee Keat semasa berucap di pembukaan acara Transformasi Perindustrian Asia-Pasifik (ITAP).